



KERATAN AKHBAR

6 Sep2021 (Monday)

Berita Harian

Saringan berkala penjawat awam enggan divaksin	1
Kilang makanan diarah tutup	2

Utusan Malaysia

Beta tiada kaitan dengan syarikat, pembangunan itu - Tengku Amir	3
Kilang punca pencemaran Sungai Semenyih akan didakwa	4
Bekalan air Sepang, Kuala Langat, Putrajaya pulih	5

Harian Metro

Bekalan air pulih jam 12 tengah hari	6
Kilang diarah henti operasi dua minggu	7

Kosmo

'Ramai percaya beta terlibat ambil untung'	8
Ceroboh hutan simpan untuk hantar bantuan	9
Kilang punca air berbau akan didakwa	10
Lehan minyak lori cemari Sungai Buah	11
Usahawan, peserta RichWorks bantu penduduk terjejas korona	12

Sinar Harian

Gesa PKPS dikenakan tindakan perundangan	13
Raja Muda Selangor tidak terlibat pembangunan HSKLU	14

Berita Harian Online

Bekalan air pulih di 92 peratus kawasan	15
UiTM FC 'teman'Perak FC ke Liga Perdana	16

KOSMO Online

Raja Muda Selangor nafi terlibat pembangunan HSKLU	17
--	----

Malaysiakini Online

Jakim akan kaunseling imam, bilal enggan divaksin	18
---	----

myMetro On-line

LRA Sungai Semenyih rekod bacaan sifar ton	19
Pencemaran sungai Semenyih, dalang buang kimia dikenal pasti	20
Seksanya tiada air, penduduk Putrajaya terpaksa beli air mineral	21

Selangor TV

Usaha Pengindahan Jalan Raja Nong, Dun Sentosa Tanam 500 Pokok	22
--	----

Utusan Malaysia Online

Gangguan air: Sepang, Kuala Langat, Putrajaya pulih sepenuhnya	23
Isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan dengan Kerabat Selangor	24
Bekalan air Lembah Klang pulih 37 peratus	25
Bekalan air Lembah Klang pulih Isnin ini	26

The Star

Factory ordered closed	27
------------------------	----



New Straits Times	
FOOD PLANT TOLD TO STOP OPERATIONS	28
The Sun	
Bulk of factory workers inoculated	29
Factory ordered to stop work over odour pollution	30
Malaysiakini Online	
Selangor crown prince denies links to current Kuala Langat forest reserve developer	31
New Straits Times Online	
Selangor Raja Muda denies link ties to Kuala Langat North Forest Reserve development	32
Water disruption in Klang Valley to fully recover by Monday	33
The Malay Mail Online	
Air Selangor: Sungai Semenyih water treatment plant clear from pollution, to resume operations soon	34
The Malaysian Reserve	
Selangor DoE opens investigation paper against food factory	35
Revoke, not postpone Kuala Langat North Forest Reserve gazettement , says NGOs	36
The Star Online	
Call to punish water polluters	37
The bigger picture	38
Selangor's integrated water supply scheme southern corridor project slated for completion in mid-2023, says Hee	39
Stern action to reduce food shortage in Sri Lanka	40
Water supply in affected areas of Klang Valley to resume in stages from Saturday (Sept 4) evening, says Air Selangor	41
Water tankers mobilised to critical premises as authorities investigate source of pollution	42
China Press	
A food factory in Beranang was closed for 2 weeks for it was involved in polluting the Semenyih River.	43
Greasy dirt appeared on the Sungai Buya in Dengkil, JAS installed a blocker to prevent the river from being polluted.	44
Water supply in 463 districts was fully restored, 18 hours ahead of schedule.	45
Selangor government distributes 60,000 self-test kits for free	46
Selangor religious department and health department jointly organize vaccination plan	47
Selangor government selects 8 public housing areas to build public spaces to unite the community	48
Residents illegally occupy land and illegal buildings and prevent workers from clearing the ditches. If the flood occurs, they will suffer themselves.	49
Nanyang Siang Pau	
Villagers: Don't classify low-usage fishing huts that are burdensome due to high permit fees as commercial	50
Crown Prince of Selangor: Kuala Langat Forest Reserve dispute does not involve corporate project	51
Two-week closure ordered for food factory suspected of polluting Semenyih River	52



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Guang Ming Daily

Food factory closed 2 weeks for allegedly polluting Semenyih river	53
MPK places 3 large rubbish troughs to improve hygiene in Pandamaran's woodhouse area	54



KERATAN AKHBAR		
6 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Saringan berkala penjawat awam enggan divaksin
Muka Surat	:	1

Saringan berkala penjawat awam enggan divaksin

Sedia panduan tindakan untuk kakitangan tolak vaksin

Oleh Suzalina Halid
 suzalina@sbs.com.my

Kuala Lumpur: Penjawat awam, termasuk guru yang enggan mengambil vaksin COVID-19 mungkin diwajibkan mengambil ujian saringan berkala, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Beliau berkata, kaedah pengambilan ujian saringan mungkin digunakan sebagai pendekatan dalam menyelesaikan isu penjawat awam yang masih tidak mahu mengambil vaksin.

Katanya, cadangan itu bagaimanapun akan dimuktamadkan melalui mesyuarat bersama membolehkan pihak berkepentingan yang diaduali diadakan

minggu ini.

"Perbincangan dijanjikan diadakan bersama Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mencari satu pendekatan terbaik dalam menyelesaikan isu berhubung wujudnya sebilangan penjawat awam yang masih enggan mengambil vaksin," katanya kepada *BH*, semalam.

Ketertarikan, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan agar kerajaan menengok keluaran pekilang khusus mengenai penjawat awam yang masih tidak mengambil vaksin dengan menjelaskan tindakan dan pendekatan perlu dilakukan terhadap golongan itu dalam isu pengambilan vaksin.

Presidennya, Adnan Mat berkata, ia penting bagi mengelakkan kerajaan terdedah kepada risiko tindakan undang-undang daripada kumpulan penolak vaksin sekiranya garis panduan atau undang-undang jelas mengenai pengambilan vaksin, belum dikuatkuasakan.

Beliau berkata, CUEPACS turut berpandangan satu garis panduan perlu dikeluarkan kerajaan bagi mengelakkan majikan membuat keputusan berdasarkan pandangan mereka sendiri sedangkan masih tiada undang-undang mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19 di negara ini.

Dari Muka 1

Mengulas lanjut, Mohd Khairul berkata, pendekatan yang boleh diambil adalah membatalkan pucuk kuasa penadbiran sabaja berikutnya pengambilan vaksin ini tidak diwajibkan lagi.

"Jika jabatan Perkhidmatan Awam akan tegok secara keseluruhan isu ini dan panggil Kementerian berkaitan untuk mencapai satu pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan.

"Mungkin pendekatan yang akan diambil adalah menguna pakai kaedah ujian saringan, namun kita tentukan juga siapa yang nak bayar kos itu nanti.

"Apapun perkara ini akan diterangkan bersama pihak berkepentingan," katanya.

Beliau berkata, selain pembabit Kementerian Pendidikan, KSM dan KPT, mesyuarat akan turut disertai penasihat undang-undang.

Katanya, perkara itu perlu diteliti secara lanjut dan arahan akan diberikan secara pentad-

biran tanpa melanggar peruntukan undang-undang yang ada.

"Kita perlu tegok peruntukan undang-undang secara pentadbiran untuk memastikan penjawat awam tidak bawa mudarat kepada orang lain," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan terdapat sebilangan penjawat awam membatalkan guru enggan mengambil vaksin COVID-19 atas pelbagai alasan.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Idris Jidin, dilaporkan mencari penyelesaian isu itu.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga baru-baru ini memarahkan kekecewaan apabila 450 guru, merangkumi sekolah rendah dan menengah kebangsaan di negeri berkenaan mengambil sikap sama, iaitu enggan menerima vaksin COVID-19.

Ditambahkan, setakat ini, terdapat 2,600 daripada keseluruhan lebih 400,000 guru masih enggan menerima vaksin atas pelbagai alasan.

Pada 22 Ogos lalu, EXCO Pendidikan, Penerimaan, Warisan

dan Budaya Johor, Mazlan Bujang, mendedahkan 779 guru di negeri tersebut enggan menerima vaksin COVID-19, sekali gus mengundang kebimbangan menjelang pembekalan semula sekolah menjelang 3 Oktober depan.

Susulan itu, lima hari kemudian Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim menerima menghadap guru yang menolak vaksin bersama Pemangku Pengarah Pelajaran Johor, Shaikhon Abd Halim bagi mencari penyelesaian isu itu.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah juga baru-baru ini memarahkan kekecewaan apabila 450 guru, merangkumi sekolah rendah dan menengah kebangsaan di negeri berkenaan mengambil sikap sama, iaitu enggan menerima vaksin COVID-19.

Jumatah lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata dasar mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan guru di sektor pendidikan akan diperhalusi kerana ia membolehkan imp-

likasi perundangan.

Sehubungan itu, beliau berkata, perbincangan lanjut berhubung perkara itu akan dilaksanakan dengan Kementerian Pendidikan secepat mungkin.

Katanya, pendekatan berhubung harapan pengambilan imunisasi COVID-19 yang digunakan ketika ini untuk warga pendidik bagaimanapun masih berdasarkan konsep sukarela.

Sementara itu, dalam reaksi balasnya, CUEPACS tetap bertegas supaya penjawat awam harus mendahulukan dasar kerajaan dengan mengambil suntikan vaksin COVID-19.

Adnan turut mempersoalkan bagaimana penjawat awam yang juga tulang belakang kerajaan mahu melaksanakan dasar negara sedangkan pada masa sama mereka tidak menyokong pemberian vaksin yang menjadi agenda utama kebangsaan.

"Adalah penting untuk penjawat awam mewujudkan tempat kerja yang selamat dan memberi perkhidmatan kepada orang ra-

mai secara selamat kerana mereka juga adalah pemangkin untuk memperhebatkan sektor ekonomi negara.

"Jika mereka enggan divaksin maka akan timbul keadaan seolah-olah penjawat awam tidak kuat atau tegas untuk melaksanakan dasar kerajaan," katanya.

Presiden Gabungan Majlis Presidennan dan Setiausaha Keshamat Kesatuan Kakitangan Universiti Awam Malaysia (UKAMU), Zulkipli Mohammed, pula berkata, cadangan mewajibkan ujian saringan adalah rasional untuk dilaksanakan bagi memastikan penjawat awam yang enggan divaksin bukan pemawa virus COVID-19.

"Perlu ada ujian saringan sebab kita tidak mahu mereka yang bertugas membahayakan orang lain.

"Lebih penting kerajaan perlu tampil dengan garis panduan bagi membolehkan ketua jabatan membuat tindakan yang jelas terhadap kakitangan enggan divaksin supaya tidak timbul sebarang salah faham nanti," katanya.



KERATAN AKHBAR
6 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kilang makanan diarah tutup
Muka Surat	:	14

Pencemaran LRA Sungai Semenyih

Kilang makanan diarah tutup

Disyaki sebabkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas

Oleh Latifah Arifin dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebuah kilang berasaskan makanan di Beranang, Selangor, dikenakan tindakan henti tugas kerana disyaki menjadi punca pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada 31 Ogos dan Jumaat lalu.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memaklumkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor sudah membuka kertas siasatan terhadap pemilik kilang berkenaan kerana disyaki menyebabkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas.

Katanya, tindakan itu susulan pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) yang dikesan Penguurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada tahap 2 ton di muka sauk Jenderam Hilir pada jam 5.15 petang kelmarin.

"Siasatan JAS Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu mendapati kilang berkenaan beroperasi dan beberapa sampel pelepasan

efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk sudah diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis komposisi kimia," katanya.

Sebelum ini, Air Selangor memaklumkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas pada 31 Ogos dan Jumaat lalu berikutan pencemaran bau sehingga menyebabkan gangguan air tidak berjadual di 463 kawasan dan lima wilayah, merangkumi Petaling (172), Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

Pengawasan kualiti udara di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) mencerap beberapa bahan, antaranya Sebatian Organik Meruap (VOC) dalam udara yang berbau serta mempunyai persamaan dengan bahan VOC dikesan dalam sampel air berbau ketika kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu.

"Berdasarkan petunjuk terbaharu berkenaan, JAS melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap kilang di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menghentikan pencemaran serta-merta. Proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 25 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling



(Efluen Perindustrian) 2009. Jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 25(3) Akta sama iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi setiap parameter," katanya.

Katanya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga sudah mengambil bukti termasuk sampel efluen dan membuka kertas siasatan kes terbabit di bawah Seksyen 121(1)(C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) iaitu kesalahan pencemaran terhadap sumber air.

Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 121 (2)(B) iaitu penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya sekali.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, insiden berulang di lokasi sama dalam tempoh kurang dari satu minggu tersebut amat mendukacitakan dan perbuatan tidak bertanggungjawab penjenayah alam sekitar itu perlu

dikenakan tindakan tegas.

Menurut beliau, agensi penguat kuasa daripada SPAN, JAS Selangor, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesan jejak pencemaran hingga membawa kepada penemuan kilang tersebut.

"Laporan polis sudah dibuat Penguurusan Air Selangor Sdn. Bhd. sejurus selepas pencemaran dikesan dan polis akan menjalankan siasatan lanjut.

"Kes dijangka disiasat di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksamaan atas kesalahan melakukan perbuatan khianat terhadap air yang mana jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga maksimum lima tahun," katanya dalam kenyataan semalam.

Jumaat lalu, Tuan Ibrahim dilaporkan memberi amaran, pihak pencemar alam sekitar sehingga menyebabkan LRA Semenyih terpaksa ditutup yang menjejaskan bekalan air kepada 323,622 akaun atau kira-kira 1.6 juta pengguna, akan dikenakan tindakan tegas setimpal kesalahan.

Sementara itu, semua 463 kawasan di wilayah Petaling, Hulu Langat, Sepang, Putrajaya dan Kuala Langat yang sebelum ini terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual, menerima bekalan air bersih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
6 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Beta tiada kaitan dengan syarikat, pembangunan itu - Tengku Amir
Muka Surat	:	10

Beta tiada kaitan dengan syarikat, pembangunan itu - Tengku Amir

SHAH ALAM: Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah menafikan sebuah syarikat yang terlibat dengan isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) mempunyai kaitan dengan baginda.

Baginda menerusi kenyataan yang dikeluarkan Istana Mestika bertitah menyedari terdapat dakwaan mengatakan isu penyahwartaan yang sudah pun dibangkitkan sejak tahun lalu terhadap tanah keluasan 536.7 itu cuba dikaitkan dengan Kerabat Diraja Selangor.

“Berhubung isu HSKLU, beta mengambil maklum bahawa terdapat beberapa golongan yang mempercayai bahawa beta telah mendapat keuntungan daripada keputusan pembangunan di kawasan tersebut.

“Ingin beta tegaskan di sini bahawa beta tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Syarikat Gabungan Indah Sdn. Bhd. mahupun pembangunan tersebut,” titahnya.

Tengku Amir Shah bertitah,



TENGGU Amir Shah menegaskan kawasan hutan paya gambut memainkan peranan yang penting dan nadi utama dalam penyerapan karbon bagi memastikan kadar pemanasan global dapat diatasi.

baginda begitu terkesan akan isu alam sekitar dan mengambil maklum bagaimana pembangunan meninggalkan impak mendalam terhadap perubahan iklim, generasi akan datang, bahkan kesan yang tidak dapat kita pulihkan.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan penerokaan HSKLU untuk pembangunan mengancam pelbagai spesies

haiwan dan tumbuhan yang menjadi khazanah rimba itu.

Pada masa ini, menurut Orang Asli Suku Temuan yang tinggal berhampiran hutan simpan tersebut, kawasan itu masih menjadi habitat beberapa spesies haiwan liar unik antaranya dilindungi undang-undang seperti beruang matahari, tupai terbang dan ikan laga langit merah (*Betta Livida*)

yang didakwa hanya terdapat di sana.

Malah, *Mingguan Malaysia* semalam melaporkan keresahan Orang Asli khususnya penduduk Kampung Busut Baru yang mendakwa kecewa apabila mereka berterusan diganggu sejak kali pertama diarahkan berpindah dari Sepang pada 1993.

Dalam pada itu, baginda menyeru semua pihak dapat memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara tanah air.

“Kawasan hutan, terutamanya kawasan hutan paya gambut memainkan peranan yang penting dan nadi utama dalam penyerapan karbon bagi memastikan kadar pemanasan global dapat diatasi.

“Beta berharap semua pihak dapat memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara tanah air kita. Kuatkuasakan undang-undang dan terus menjadi pelindung kepada komuniti setempat,” titahnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kilang punca pencemaran Sungai Semenyih akan didakwa
Muka Surat	:	12

Kilang punca pencemaran Sungai Semenyih akan didakwa



LELEHAN minyak dari sebuah premis menjalankan aktiviti penyelenggaraan jentera dan lori dikesan menjadi punca pencemaran Sungai Buah, Dengkil. - IHSAN JAS SEPANG

PUTRAJAYA: Kementerian Alam Sekitar dan Air mengesahkan kertas siasatan telah dibuka untuk mendakwa pemilik kilang yang disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Semenyih.

Isu itu diuruskan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor susulan Loji Rawatan Air (LRA) sungai tersebut terpaksa dihenti tugas pada 31 Ogos lalu dan kemudian sekali lagi, Jumaat lepas.

"Siasatan pada 2 dan 3 September lalu mendapati kilang itu memang beroperasi serta JAS mengambil beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian," katanya dalam kenyataan.

Sampel air sungai di muka sauk Jenderam Hilir turut diambil dan kesemuanya sudah dihantar oleh JAS negeri itu kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis komposisi kimia.

Kementerian memaklumkan henti tugas itu ekoran pencemaran sebatian penyebab bau tahap

2 yang dikesan pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) pada 5.15 petang kelmarin.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sudah mengambil bahan bukti dan membuka kertas siasatan kes tersebut di bawah Seksyen 121 (1) (C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, merujuk kesalahan pencemaran ke atas sumber air yang jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM500,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di Sepang, pencemaran minyak hidraulik di Sungai Buah, Dengkil didapati berpunca lelehan minyak dari longkang sebuah premis yang menjalankan aktiviti penyelenggaraan jentera dan lori.

JAS Cawangan Sepang bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kemudian bertindak menyita sebuah kren di premis berkenaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekalan air Sepang, Kuala Langat, Putrajaya pulih
Muka Surat	:	29

Bekalan air Sepang, Kuala Langat, Putrajaya pulihan

SHAH ALAM: Hampir keseluruhan 463 kawasan terjejas akibat gangguan mulai mendapat bekalan air pada pukul 7 pagi tadi apabila kerja-kerja pemulihannya mencapai 92.2 peratus.

Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) dalam kenyataan berkata, kawasan pulih sepenuhnya Sepang melibatkan 194 kawasan, Kuala Langat (20) dan Putrajaya (23).

Walaupun bagaimanapun, Petaling yang melibatkan 172 kawasan dan Hulu Langat (54) masih belum pulih sepenuhnya, namun pemulihannya kedua-dua daerah berkenaan mencapai 81.4 dan 92.6 peratus.

"Air Selangor ingin menyarankan pengguna yang mendapat bekalan air membiarkan pili air mengalir sehingga jernih sebelum digunakan untuk kegunaan harian.

"Pengguna yang mendapat bekalan air diharapkan menggunakannya secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan di kawasan yang masih terjejas berjalan lancar seperti yang dijadualkan," katanya.

Masalah gangguan bekalan air yang melanda 463 kawasan sebelum ini sepatutnya selesai pada Jumaat lalu akibat pencemaran bau pada sumber dikesan menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas pada Selasa.

LRA berkenaan terpaksa dihenti tugas sekali lagi apabila pencemaran sama turut dikesan menyebabkan gangguan bekalan berlarutan sehingga semalam, dan keadaan dijangka pulih sepenuhnya pada hari ini.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan pensampelan ujian mendapati bau seakan pelarut dikesan pada aliran air berhampiran sebuah kilang di sekitar Sungai Rinching.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **6 September 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bekalan air pulih jam 12 tengah hari
Muka Surat	:	19

Bekalan air pulih jam 12 tengah hari

Kuala Lumpur: Semua 463 kawasan di wilayah Petaling, Hulu Langat, Sepang, Putrajaya dan Kuala Langat yang sebelum ini terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual menerima bekalan air bersih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari semalam.

Gangguan bekalan air itu berpunca daripada henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sg Semenyih) berikutan insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Baseri berkata, Air Selangor mengucapkan terima kasih kepada semua pengguna di atas kesabaran dan kerjasama diberikan sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual itu.

“Semua pengguna disarankan untuk mendapatkan maklumat rasmi

gangguan bekalan air menerusi semua medium komunikasi rasmi Air Selangor iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang www.airselangor.com.

“Sebarang pertanyaan dan aduan juga boleh diajukan di Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300 atau Help Centre di aplikasi Air Selangor,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Selasa lalu, sebanyak 463 kawasan di lima daerah di Selangor mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas LRA Sungai Semenyih dihentikan tugas akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.

Pencemaran itu menjejaskan bekalan air di 172 kawasan di Petaling manakala Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kilang diarah henti operasi dua minggu
Muka Surat	:	19



PENCEMARAN SUNGAI SEMENYIH

Kilang diarah henti operasi **dua minggu**

Putrajaya

Sebuah kilang berasaskan makanan di Beranang, Selangor dikenakan tindakan henti operasi selama dua minggu bermula kelmarin kerana disyaki menjadi punca pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) di Sungai Semenyih.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) dalam kenyataan, semalam berkata, Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor membuka kertas siasatan untuk mendakwa pemilik kilang yang disyaki menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas pada 31 Ogos lalu dan yang terkini pada Jumaat lepas.

"Siasatan oleh Jas Selangor pada Khamis dan Jumaat (2 dan 3 September) mendapati kilang terbabit beroperasi dan beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis komposisi kimia.

"Siasatan diteruskan pada tengah malam Jumaat yang pengawasan kualiti udara dijalankan di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) berjaya menceraap beberapa bahan iaitu sebatian organik meruap (VOC) dalam udara yang berbau serta



Beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk diambil untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia"

Kasa

mempunyai persamaan dengan bahan-bahan VOC yang dikesan dalam sampel air berbau semasa kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu," katanya.

Kasa berkata, berdasarkan petunjuk terbaflu terbabit, pihak JAS melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap kilang di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menghentikan pencemaran serta-merta dan proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Kesalahan terhadap pencemaran perairan daratan yang jika disabitkan kesala-

lahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 25(3) Akta yang sama iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya bagi setiap parameter.

Kasa berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga mengambil bahan bukti termasuk sampel-sampel efluen dan membuka kertas siasatan kes ini di bawah Seksyen 121(1)(C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) iaitu kesalahan pencemaran terhadap sumber air yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 121 (2)(B) iaitu penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya sekali.

Henti tugas di LRA Sungai Semenyih berlaku akibat pencemaran OCS yang dikesan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada tahap 2 ton di muka sauk Jenderam Hilir jam 5.15 petang Jumaat.

Henti tugas itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual di 463 kawasan di lima wilayah Air Selangor iaitu Petaling (172 kawasan), Hulu Langat (54 kawasan), Sepang (194 kawasan), Putrajaya (23 kawasan) dan Kuala Langat (20 kawasan).



KERATAN AKHBAR
6 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Ramai percaya beta terlibat ambil untung'
Muka Surat	:	6

Raja Muda Selangor nafi terlibat pembangunan HSKLU 'Ramai percaya beta terlibat ambil untung'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah menafikan mempunyai kaitan dengan syarikat Syarikat Gabungan Indah Sdn. Bhd. dan pembangunan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Tengku Amir bertitah, baginda mengambil maklum bahawa terdapat beberapa golongan yang mempercayai bahawa baginda telah mendapat keuntungan daripada keputusan pembangunan di kawasan tersebut.

"Beta begitu terkesan akan isu alam sekitar dan mengambil maklum bagaimana pembangunan meninggalkan impak mendalam terhadap perubahan iklim, generasi akan datang, bahkan kesan yang tidak dapat kita pulihkan.

"Kawasan hutan, terutama kawasan hutan paya gambut memainkan peranan dan nadi utama dalam penyerapan karbon bagi memastikan kadar pemanasan global dapat diatasi," titah baginda menerusi hantaran di laman instagram rasminya.

Tengku Amir menegaskan, hutan paya gambut juga merupakan habitat semula jadi bagi flora dan fauna dan jika habitat itu pupus, keseimbangan alam sekitar boleh terancam.

Justeru, Tengku Amir berharap semua pihak dapat memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara tanah air kita.

"Kuat kuasakan undang-undang dan terus menjadi pelin-



TENGGU AMIR

Beta begitu terkesan akan isu alam sekitar dan mengambil maklum bagaimana pembangunan meninggalkan impak mendalam terhadap perubahan iklim, generasi akan datang, bahkan kesan yang tidak dapat kita pulihkan."

dung kepada komuniti setempat.

"Wujudkan komuniti lestari, prihatin, empati dan berpandangan jauh agar dapat memelihara alam sekitar. Rakyat Selangor tidak mahu merasa kehilangan

khazanah permata ini," titahnya.

Tengku Amir bertitah, selaku warga Malaysia, semua pihak harus bersatu tenaga dalam memainkan peranan masing-masing untuk memelihara alam ini.

"Tebus kekhilafan lalu dengan menyelamatkan alam sekitar hari ini," titahnya.

Isu HSKLU timbul selepas kerajaan negeri telah meluluskan penyahwartaan 536.7 hektar HSKLU pada 5 Mei lalu sebelum mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan.

Susulan itu, perkara berkenaan kemudiannya akan dibawa dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat kerajaan negeri pada Rabu depan untuk dipertimbangkan hala tuju dan keputusan dalam isu ini.



KERATAN AKHBAR		
6 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ceroboh hutan simpan untuk hantar bantuan
Muka Surat	:	12



Di kawasan Hutan Simpan Sinderut, Lipis, Pahang inilah sekumpulan individu didakwa menceroboh untuk menghantar bantuan kepada penduduk kelmarin.

Ahli politik antara yang bakal dikenakan tindakan **Ceroboh hutan simpan untuk hantar bantuan**

Oleh **ABDUL RASHID
 ABDUL RAHMAN**

LIPIS – Tindakan sekumpulan individu termasuk ahli Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang dikatakan memasuki Hutan Simpan Sinderut di sini tanpa permit mengundang padah apabila mereka bakal dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut sumber, kumpulan berkenaan memasuki hutan itu kelmarin untuk menyalurkan bantuan termasuk makanan kepada penduduk yang terjejas disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

“Mereka memasuki hutan itu tanpa permit dengan alasan untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas selepas mendapat aduan.

“Difahamkan, sebahagian ahli

kumpulan itu pulang pada sebelah petang dan ada yang bermalam di kawasan tersebut bagi meneruskan program hari ini (semalam),” katanya di sini semalam.

Sumber tersebut memberitahu, susulan itu, pihak Jabatan Perhutanan akan mengambil tindakan selepas laporan polis dibuat di Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Lipis di sini.

Pada 18 Julai lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri Teratai, Bryan Lai Wai Chong merupakan antara 29 individu yang ditahan kerana memasuki Hutan Simpan Ulu Jelai di sini tanpa permit.

Kumpulan dari Selangor dan Kuala Lumpur itu ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kampung Rekoh, Pos Lenjang di sini.

Memasuki kawasan hutan

simpan tanpa permit merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 atau penjara.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Lipis, Superintendan Azli Mohd. Noor mengesahkan pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu yang dibuat oleh petugas Jabatan Perhutanan semalam.

Jelas beliau, kes tersebut melibatkan pencerobohan hutan simpan yang merupakan di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Datuk Dr. Hizamri Mohd. Yasin pula gagal dihubungi bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara tersebut.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang punca air berbau akan didakwa
Muka Surat	:	14



KILANG MAKANAN CEMAR SUNGAI AKAN DIDAKWA >14

JAS buka kertas siasatan ke atas premis jadi punca gangguan bekalan air di Lembah Klang

Operasi premis berasas makanan ditutup selepas LRA Sungai Semenyih dihenti tugas **Kilang punca air berbau akan didakwa**

Oleh **SUBKHI SUDARJI**

PUTRAJAYA – Sebuah kilang berasaskan makanan disyaki menjadi punca kepada pencemaran bau sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas pada 31 Ogos dan 3 September lalu.

Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam satu kenyataan semalam berkata, susulan kejadian itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor telah membuka kertas siasatan untuk mendakwa pemilik kilang yang disyaki menjadi punca kepada pencemaran berkenaan.

Katanya, henti tugas LRA tersebut berlaku akibat pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) yang dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) pada tahap 2 TON (*Threshold Odour Number*) di muka sauk Jenderam Hilir pada pukul 5.15 petang kelmarin.

Menurutnya, beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk diambil pihak JAS



JAS telah melaksanakan penahanan operasi kelengkapan ke atas sebuah kilang berasaskan makanan yang disyaki menjadi punca pencemaran.

serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis komposisi kimia.

"Siasatan diteruskan dengan pengawasan kualiti udara yang dijalankan di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) dan berjaya mencekap beberapa bahan iaitu sebatian organik meruap (VOC) dalam

udara yang berbau.

"Ia mempunyai persamaan dengan bahan-bahan VOC yang dikesan dalam sampel air berbau semasa kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu," katanya.

Berdasarkan petunjuk terbaharu itu, JAS telah melaksanakan penahanan operasi kelengkapan



KERATAN Kosmo! 1 September 2021.

hadap kilang di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menghentikan pencemaran serentak.

"Proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan," katanya.

Tambahnya lagi, kes disiasat di bawah Seksyen 25 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Sementara itu, JAS berkata, bagi kesalahan terhadap pencemaran perairan daratan, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan

Seksyen 25(3) Akta yang sama iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya bagi setiap parameter.

"Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara juga telah mengambil bahan bukti termasuk sampel efluen dan telah membuka kertas siasatan kes ini di bawah Seksyen 121(1)(C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

"Kesalahan pencemaran terhadap sumber air yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 121 (2)(B) iaitu penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya sekali," jelasnya.

Kosmo! pada 1 September lalu melaporkan, sebanyak 463 kawasan di lima daerah di Lembah Klang dijangka mengalami masalah gangguan bekalan air tidak berjadual selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir di sini dihenti tugas akibat pencemaran bau.



KERATAN AKHBAR
6 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lelehan minyak lori cemari Sungai Buah
Muka Surat	:	14

Lelehan minyak lori cemari Sungai Buah

SEPANG – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sepang mendapati, lelehan minyak dari longkang sebuah premis yang menjalankan aktiviti penyelenggaraan jentera dan lori menjadi punca pencemaran minyak hidraulik di Sungai Buah, Dengkil.

Pemeriksaan itu hasil operasi bersepadu yang dilakukan bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berikutan aduan yang diterima berhubung pencemaran minyak hidraulik di lokasi terbabit.

JAS Cawangan Sepang berkata, susulan itu, pihaknya telah menyita sebuah kren di

tapak tersebut buat sementara waktu agar tidak mengganggu siasatan kes.

“Sementara itu, pihak LUAS telah memasang ‘oil boom’ di luar longkang premis untuk membendung pencemaran minyak,” katanya menerusi kenyataan di Facebook semalam.

JAS berkata, persampelan telah dijalankan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk dianalisis.

“Kes akan disiasat di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan,” katanya.



PEGAWAI JAS mengambil sampel lelehan minyak dari sebuah premis yang menjadi punca pencemaran Sungai Buah, Dengkil semalam.



KERATAN AKHBAR
6 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Usahawan, peserta RichWorks bantu penduduk terjejas korona
Muka Surat	:	18

Usahawan, peserta RichWorks bantu penduduk terjejas korona

SHAH ALAM – Pertubuhan Kebajikan RichWell (RichWell) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan sebanyak 250 kotak makanan keperluan asas kepada keluarga yang memerlukan di kariah Masjid Seksyen 7 di Flat PKNS di sini kelmarin.

Naib Presiden Program Mentorship RichWorks International Sdn. Bhd. (RichWorks), Hafiz Jasmi berkata, bantuan itu diberikan kepada masyarakat yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Menurutnya, sumbangan tersebut diperoleh daripada para usahawan dan peserta yang bersama RichWorks.

“RichWell menyasarkan 10,000 kotak makanan sehingga hujung tahun ini untuk diagikan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan dalam tempoh krisis ini.

“RichWell masih lagi menerima sumbangan daripada usahawan-usahawan dan orang ramai yang prihatin dengan kesusahan yang dihadapi masyarakat ketika ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.



HAFIZ (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penduduk di Flat PKNS, Shah Alam kelmarin.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M. Yusop berkata, pihaknya berharap agar lebih banyak syarikat tampil ke hadapan bersama LZS dalam meringankan beban masyarakat yang terkesan dengan pandemik.

“Selain daripada membayar zakat, mereka juga boleh melau-

kukan program bersama dan dapat merasa sendiri bagaimana agihan dibuat.

“Pada hari ini (kelmarin) melalui kerjasama pertubuhan kebajikan di sini, penerima akan datang dan ambil terus kotak makanan dan beredar sama ada secara pandu lalu atau ambil sendiri,” ujarnya.



KERATAN AKHBAR
6 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gesa PKPS dikenakan tindakan perundangan
Muka Surat	:	36

Gesa PKPS dikenakan tindakan perundangan

SHAH ALAM - Gabungan Perlindungan Hutan Selangor (CPSF) menggesa agar tindakan undang-undang diambil terhadap Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berikutan melakukan pembersihan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) tanpa mendapat kelulusan sewajarnya.

Menerusi satu kenyataan, CPSF berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam sebaran media pada 15 April lalu turut mengesahkan PKPS tidak menyerahkan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi pelaksanaan Projek Selangor Smart Agro Park (SSAP) di hutan berkenaan.

Katanya, walaupun arahan henti kerja dikeluarkan JAS pada 8 April lalu, PKPS masih dikesan meneruskan pembersihan HSKLU sehingga Mei lalu berdasarkan analisis menerusi satelit oleh CPSF.

“CPSF juga percaya ini adalah kali kedua HSKLU dimusnahkan oleh PKPS kerana pada tahun 2014 lalu, tindakan sama pernah dilakukan di kawasan seluas 50 hektar di sana bagi perancangan pembangunan kawasan perladangan kelapa sawit.

“Berikutan itu, CPSF menggesa tindakan undang-undang ke atas PKPS kerana melakukan pembersihan HSKLU tanpa menyerahkan EIA kepada JAS,” kata kenyataan itu pada Ahad.

Menerusi kenyataan sama, CPSF turut menggesa kerajaan negeri agar membatalkan segera penyahwartaan HSKLU dan mengembalikannya kepada ukuran asal.

“Kerajaan negeri juga telah memberi maklumat palsu apabila mengatakan tiada pokok tinggi di lokasi yang terlibat dengan penyahwartaan tersebut,” katanya.

Tambah kenyataan itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari perlu mengadakan lawatan ke lokasi terlibat bersama-sama CPSF dan orang asli setempat bagi melihat lebih dekat keadaan lokasi terlibat.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian sewaktu sesi penggulungan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ini telah memberitahu Dewan bahawa kerajaan negeri memutuskan untuk meneruskan penyahwartaan HSKLU memabitkan kawasan seluas 536.7 hektar selepas mendapat bantahan komuniti.



Peta lokasi HSKLU.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
6 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Raja Muda Selangor tidak terlibat pembangunan HSKLU
Muka Surat	:	36

Raja Muda Selangor tidak terlibat pembangunan HSKLU

Tengku Amir bertitah, tiada sebarang kaitan dengan sebuah syarikat berhubung pembangunan hutan simpan berkenaan

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

SHAH ALAM

Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah menegaskan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan sebuah syarikat berhubung pembangunan yang dirancang di Hutan Simpan

Kuala Langat Utara (HSKLU).

Tengku Amir mengambil maklum terdapat beberapa golongan yang mempercayai bahawa baginda mendapat keuntungan daripada keputusan pembangunan di kawasan tersebut.

Menurut Tengku Amir, baginda begitu terkesan mengenai isu alam sekitar dan mengambil maklum bagaimana pembangunan meninggalkan impak mendalam terhadap perubahan iklim, generasi akan datang, bahkan kesan yang tidak dapat dipulihkan.

“Kawasan hutan terutama hutan paya gambut memainkan peranan penting dan nadi utama dalam penyerapan karbon bagi memastikan kadar pemanasan global dapat diatasi.



FOTO: FB SELANGOR ROYAL OFFICE

Tengku Amir (duduk depan kiri) menafikan terlibat dalam dengan mana-mana syarikat dan pembangunan HSKLU.

“Hutan paya gambut juga merupakan habitat semula jadi bagi flora dan fauna dan jika habitat ini pupus, keseimbangan alam sekitar kita boleh terancam,” titah baginda menerusi kenyataan dimuat naik menerusi Facebook Selangor Royal Office pada Sabtu.

Justeru, Tengku Amir berharap semua pihak dapat memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab memelihara dan memulihara tanah air selain menguatkuasakan undang-undang dan terus menjadi pelindung kepada komuniti setempat.

“Wujudkan komuniti lestari, prihatin, empati dan berpandangan jauh agar dapat memelihara alam sekitar,” titah baginda. Baginda bertitah, rakyat Selangor tidak mahu merasa kehilangan khazanah permata iaitu HSKLU yang terdapat di negeri ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
5 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Bekalan air pulih di 92 peratus kawasan
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH Online website interface. The main article is titled "Bekalan air pulih di 92 peratus kawasan". The article text includes:

- Bekalan air di kesemua kawasan yang terjejas (juga meliputi beberapa zon jam 6 pagi, iaitu 14570 kakas) akan dipulihkan menjelang pertengahan minggu ini.**
- KUALA LUMPUR:** Pemulihan bekalan air di 483 kawasan yang terjejas akibat banjir hujan Lebu Raya dan Air Selangor Sungai Semenyih kawasan pemukiman baru yang terjejas di Sungai Tu sudah mencapai 92.2 peratus, setakat jam 7 pagi tadi.
- Ketua Kemaskini Korporat Perkhidmatan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Ehsa Basam dalam kenyataan hari ini, memaklumkan kadar pemulihan di Hulu Langat, Putrajaya dan Sepang sudah mencapai 100 peratus.
- Bagaimanapun, katanya pemuliharaan pembaikan di Hulu Langat dan Putrajaya, masing-masing baru mencapai 92.2 peratus dan 81.6 peratus.
- "Tempoh masa pemuliharaan bekalan air adalah berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung kepada lokasi dan jenis pemuliharaan."

 The article also features a section titled "DISYORKAN UNTUK ANDA" with a list of related topics:

- 483 kawasan terjejas Sungai Semenyih terancam
- 483 kawasan di Selangor, Putrajaya alami gangguan air
- Gangguan air di Selangor, Putrajaya pulih sepenuhnya
- Gangguan bekalan air di Selangor, Putrajaya pulih sepenuhnya

 The article concludes with a note: "Bekalan air di kesemua kawasan yang terjejas akan dipulihkan secara berperingkat dan dijangka pulih sepenuhnya pada jam 6 pagi, ketara."



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 5 September 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Raja Muda Selangor nafi terlibat pembangunan HSKLU
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 September 2021		
Akhbar	:	Malaysiakini Online
Tajuk Berita	:	Jakim akan kaunseling imam, bilal enggan divaksin
Muka Surat	:	-

Jakim akan kaunseling imam, bilal enggan divaksin

Kumpulan imam dan bilal yang enggan menerima suntikan vaksin Covid-19 akan dipanggil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam masa terdekat untuk menjalani sesi kaunseling. Terbitan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Ahmad Marzuk Shaary berkata sesi kaunseling itu bagi menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta memberi penerangan kepada golongan tersebut bahawa vaksinasi tidak membawa keburukan.

"Setengah negeri kelompok saas yang tertentu tidak mahu mengambil vaksin ini kerana terpengaruh dengan dajab dan juga propaganda sesetengah pihak. Perkara ini perlu diambil tindakan sewajarnya, bukan tindakan undang-undang tetapi penerangan dan penjajanan termasuk mengadakan kaunseling," katanya.

Ahmad Marzuk berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang secara pandu lalu di Pusat Khidmat Abdi Dewan Rakyat, Kampung Landak, Pengkalan Chepa, di Kota Bharu hari ini.

Bilal diminta mengadu berhubung tidak Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang membolehkan ras-dokumen terhadap 50 guru agama, 17 pegawai masjid serta jurunkah yang menolak suntikan vaksin COVID-19 walaupun negeri itu mencatatkan bilangan jangkitan harian yang tinggi.

Ahmad Marzuk berkata kerengsaan golongan anti-vaksin perlu dipandang serius kerana vaksin itu adalah ubat-ubatan daripada usaha kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok memandangi halakat COVID-19 kini merupakan endemik.

-Beromaz



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 September 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	LRA Sungai Semenyih rekod bacaan sifar ton
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the myMetro website interface. At the top, there are promotional banners for digital savings accounts and debit cards. The main headline is "LRA Sungai Semenyih rekod bacaan sifar ton" (LRA Sungai Semenyih records zero-ton reading). Below the headline is a video player and a text article. The article discusses the water supply situation in the area, mentioning that the water supply is currently zero-ton and that the water supply is expected to be restored soon. The article also mentions that the water supply is currently zero-ton and that the water supply is expected to be restored soon. The article also mentions that the water supply is currently zero-ton and that the water supply is expected to be restored soon.

Other news items visible on the page include "CARSONE JE LAH" (Carson's is here), "RUMAH BELANDA" (Dutch House), and various local news items. The page also features a sidebar with social media links and a footer with contact information.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Pencemaran sungai Semenyih, dalang buang kimia dikenal pasti
Muka Surat	:	-

